

**GARISPANDUAN MEMULAKAN JENIS PERNIAGAAN YANG DIKECUALIKAN  
DARI LESEN PERNIAGAAN**

---

1. Pengecualian Lesen Perniagaan bagi sebahagian aktiviti-aktiviti perniagaan di bawah jadual Akta Lesen Perniagaan (Penggal 127), 2015 dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2016 adalah bagi perniagaan-perniagaan berikut:-
  - a) **Kedai roti, kedai makan dan tempat kunjungan dan hiburan orang ramai.**
  - b) **Penjaja.**
  - c) **Peniaga kenderaan bermotor.**
  - d) **Stesen minyak termasuk tempat menyimpan minyak dan bahan-bahan mudah terbakar.**
  - e) **Kedai runcit.**
  - f) **Stor kayu dan kilang perabot.**
  - g) **Bengkel.**
2. Aktiviti perniagaan yang tidak termasuk dalam senarai di atas adalah masih memerlukan kebenaran atau kelulusan agensi-agensi lain antaranya seperti aktiviti pembinaan, pendidikan swasta, klinik swasta, pusat penjagaan, institusi kewangan, konsultasi, perkapanan, pelancongan, guaman, perhubungan/info komunikasi dan pengurusan letak kereta swasta.
3. Sementara waktu itu (**sehingga pada satu tarikh yang akan ditentukan oleh pihak Kerajaan kemudian**), aktiviti perniagaan di bawah Establishmen Kecantikan dan Kesihatan masih memerlukan Lesen Perniagaan seperti berikut:-
  - a) **mengurut (bagi yang masih beroperasi sahaja);**
  - b) **sauna;**
  - c) **spa, termasuk mandian air panas atau sejuk;**
  - d) **gymnasium;**
  - e) **aerobik;**
  - f) **aromaterapi;**
  - g) **melangsingkan badan;**
  - h) **manikur dan pedikur;**
  - i) **refleksologi;**
  - j) **salon rambut, dan**
  - k) **apa-apa aktiviti yang berkaitan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen.**

4. Jenis aktiviti perniagaan yang dikecualikan dari Lesen Perniagaan adalah seperti berikut:-

<b>BILANGAN</b>	<b>KATEGORI PERNIAGAAN</b>	<b>JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN</b>
1.	<b>KEDAI ROTI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menjual dan Membuat Roti/Kek</li> </ul>
2.	<b>KEDAI MAKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Kedai/Tempat makan dan minum</li> <li>2. Restoran</li> <li>3. Gerai makan dan minum</li> <li>4. Gerai jualan Take Away</li> <li>5. Kantin</li> <li>6. Kafe</li> <li>7. Jualan menggunakan Push Cart</li> <li>8. Food Court</li> <li>9. Jualan menggunakan kenderaan</li> <li>10. Cube shop</li> <li>11. Kilang pembuatan makanan dan minuman</li> <li>12. Tamu</li> </ul>
3.	<b>TEMPAT KUNJUNGAN DAN HIBURAN ORANG RAMAI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Panggung Wayang</li> <li>2. Pusat permainan (Pool Billiard and snooker)</li> <li>3. Pusat permainan bowling</li> <li>4. Pusat permainan memanah (archery)</li> <li>5. Pusat permainan paintball</li> <li>6. Pusat arkade</li> <li>7. Escape room</li> <li>8. Pusat permainan kanak-kanak</li> <li>9. Pusat permainan sukan</li> <li>10. Pusat latihan pertahanan diri (karate, kick boxing, taekwondo, tai chi, dll)</li> <li>11. Pusat sukan swasta</li> <li>12. Studio dan kelas belajar muzik</li> <li>13. Kelas studio tarian</li> <li>14. Hotel</li> <li>15. Inap desa</li> <li>16. Motel</li> </ul>

<b>BILANGAN</b>	<b>KATEGORI PERNIAGAAN</b>	<b>JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN</b>
		17. Rumah persinggahan 18. Rumah tumpangan 19. Chalet
4.	<b>PENJAJA</b>	1. Pasar 2. Tamu 3. Gerai 4. Jualan menggunakan kenderaan 5. Jualan menggunakan Push Cart
5.	<b>PENIAGA KENDERAAN BERMOTOR</b>	1. Menjual kenderaan baru 2. Menjual kenderaan terpakai
6.	<b>STESEN MINYAK TERMASUK MENYIMPAN MINYAK DAN BAHAN-BAHAN MUDAH TERBAKAR</b>	1. Stesen Minyak termasuk menyimpan minyak dan bahan-bahan mudah terbakar
7.	<b>KEDAI RUNCIT</b>	1. Jualan menggunakan Push Cart 2. Jualan menggunakan kenderaan 3. Kedai Hardwares 4. Kedai menjual Perabot Rumah dan Opis 5. Kedai menjual minyak mentah 6. Kedai menjual minyak kenderaan 7. Cube shop 8. Kedai menjual pakaian/kostum/tekstil 9. Kedai menjual alat-alat jahitan/manik/benang/perkakas mesin jahit/mesin jahit dan aksesoris 10. Kedai menjual dan menyewakan alat-alat perkahwinan 11. Kedai menjual tenunan/produk tempatan/kraftangan/gift shop 12. Kedai menjual alat-alat tulis dan peralatan sekolah 13. Kedai menjual stamp pad, cop getah, name tag dan kad 14. Kedai menjual kasut 15. Kedai menjual jam

BILANGAN	KATEGORI PERNIAGAAN	JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN
		<p>16. Kedai menjual bunga hidup</p> <p>17. Kedai menjual beg dan bagasi</p> <p>18. Kedai menjual bunga perhiasan plastik dan pasu</p> <p>19. Kedai menjual perkakas dapur</p> <p>20. Kedai menjual alat-alat permainan kanak-kanak</p> <p>21. Kedai menjual cenderahati/hadiah/barang-barang kristal</p> <p>22. Kedai menjual barang aksesoris bowling/golf</p> <p>23. Kedai menjual barangan sukan dan mesin peralatan untuk senaman</p> <p>24. Kedai menjual dan membuat akuarium/peralatan binatang/makanan binatang</p> <p>25. Kedai menjual basikal</p> <p>26. Kedai menjual alat-alat muzik</p> <p>27. Kedai menjual karpet, tikar, permaidani,langsir/barang perhiasan rumah dan ayat-ayat</p> <p>28. Kedai menjual barang-barang domestik digital dan elektrik</p> <p>29. Kedai menjual perhiasan rumah/perabot rumah/perabot pejabat</p> <p>30. Kedai menjual peralatan photocopy</p> <p>31. Kedai menjual peralatan memancing</p> <p>32. Kedai photo studio/memproses gambar</p> <p>33. Kedai menjual penapis air/tangki air</p> <p>34. Kedai menjual dan menyewakan bouncer, recreational and party supplies dan services</p> <p>35. Kedai menjual peralatan sembahyang dan keugamaan Orang-Orang Cina</p> <p>36. Kedai menjual sparepart dan aksesoris kereta</p> <p>37. Kedai menjual alat penyelam</p> <p>38. Kedai menjual alat sukatan dan timbangan</p>

BILANGAN	KATEGORI PERNIAGAAN	JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN
		39. Kedai menjual barang-barang kemas (asli dan tiruan) 40. Supermarket 41. Departmental store 42. Mini mart 43. Kedai menjual binatang peliharaan 44. kedai menjual alat keselamatan/cctv/barang IT 45. kedai menjual vcd/cd/dvd dan video games 46. kedai menjual alat-alat komestik dan kecantikan 47. kedai menjual minyak wangian 48. kedai menjual makanan kesihatan 49. kedai menjual alat-alat mesin kesihatan dan perkakas hospital 50. kedai menjual ubat-ubatan 51. kedai menjual bahan-bahan cucian 52. kedai menjual perkakas mesin jentera berat 53. kedai menjual aiskrim 54. kedai menjual coklat/yogurt 55. kedai menjual buah-buahan sedia untuk dimakan 56. Kedai menjual minuman
8.	<b>STOR KAYU DAN KILANG PERABOT</b>	1. Kedai menjual kayu-kayan dan membuat perabot
9.	<b>BENGKEL</b>	1. Kedai menjahit pakaian/butik/embroidery 2. Bengkel membaiki kenderaan ringan dan berat 3. Bengkel membaiki barang elektrik dan IT 4. Kedai menyuci kereta 5. Bengkel membuat kain rentang, papan tanda, stiker, banner, billboard dan percetakan 6. Bengkel membaiki barang alat ganti motosikal

BILANGAN	KATEGORI PERNIAGAAN	JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN
		<p>7. Bengkel membaiki alat-alat hawa dingin</p> <p>8. Bengkel membaiki mesin photocopy</p> <p>9. Bengkel membaiki sofa dan kusyen</p> <p>10. Bengkel membuat BRC, PVC, Chain Link Fencing, Gold chain Fencing, Barbed Wire, Building Material</p> <p>11. Bengkel memotong cermin jendela, pintu, aluminium dan akuarium</p> <p>12. Bengkel barang-barang pemadam api</p> <p>13. Bengkel barang pengangkutan dan pemunggahan barang</p> <p>14. Bengkel kereta</p> <p>15. Bengkel mencat kereta</p> <p>16. Bengkel membuat dan membaiki plat lesen, dan barang-barang besi</p> <p>17. Bengkel membaiki tayar</p> <p>18. Bengkel rawatan fuel pump</p> <p>19. Bengkel papan</p> <p>20. Bengkel membuat cable, manufacture dan electrical equipment</p> <p>21. Bengkel tenunan kain</p> <p>22. Bengkel membuat songkok</p> <p>23. Bengkel pembuatan makanan dan minuman</p> <p>24. Bengkel perkhidmatan dobi</p> <p>25. Kedai membaiki kasut</p> <p>26. Kedai membuat bingkai gambar</p>

5. Perkara-perkara **UTAMA** yang perlu dibuat dan dipastikan ada **SEBELUM** memulakan perniagaan:-

- a) Nama perniagaan dan syarikat sudah didaftarkan di Bahagian Pendaftaran Nama Perniagaan dan Penubuhan Syarikat (ROCBN), Kementerian Kewangan.
- b) Memastikan tempat perniagaan memenuhi syarat khas tanah atau telah mendapat kebenaran agensi Kerajaan yang mengawalnya.

- c) Memastikan bangunan atau tempat perniagaan telah dikeluarkan kebenaran oleh Bahagian Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
- d) Mendapatkan garispanduan, nasihat dan kebenaran agensi-agensi Kerajaan yang mengawal jenis perniagaan yang akan diusahakan dari sudut antaranya;
- i. kebersihan dan keselamatan tempat bermiaga,
  - ii. pengambilan pekerja dan pemeriksaan kesihatan pekerja,
  - iii. keselamatan makanan dan produk-produk,
  - iv. kemasukan barang-barang yang akan diniagakan dan,
  - v. keperluan pendaftaran barang-barang yang akan diniagakan.
6. Agensi-agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab mengawal jenis perniagaan yang dikecualikan dari Lesen Perniagaan adalah seperti berikut:-

BILANGAN	KEMENTERIAN/JABATAN YANG MENGAWAL	BIDANG KAWALAN
1.	<b>PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI</b>  <b>JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN, JABATAN PERDANA MENTERI</b>  <b>JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA</b>	1. Pengawal selia ketenteraman dan keselamatan.  1. Stesen minyak termasuk tempat menyimpan minyak dan bahan-bahan mudah terbakar.  1. Pengawal selia kemasukan barang-barang yang terkawal.
2.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI</b>	1. Pengawal selia keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang berkerja di tempat kerja dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya.


BILANGAN	KEMENTERIAN/JABATAN YANG MENGAWAL	BIDANG KAWALAN
	<b>JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT</b>  <b>JABATAN BURUH/ JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN</b>	2. Pengawal selia hiburan awam dan bahan cetak.  1. Pengawal selia keselamatan bangunan, tempat dan hartabenda.  1. Pengawal selia kemasukan dan keberadaan orang/pekerja asing.
3.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>  <b>BAHAGIAN KAWALAN MAKANAN HALAL</b>  <b>BAHAGIAN KAWALAN AKIDAH</b>  <b>BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AGAMA</b>	1. Sijil Halal dan Label Halal.  2. Pengawal selia kebersihan penyimpanan dan kehalalan makanan.  1. Pengawal selia barang-barang dan produk-produk yang bertentangan dengan akidah dan syariah.  1. Pengawal selia sebarang perkara dan kegiatan yang bertentangan dengan akidah dan syariah.
4.	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>  <b>BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI)</b>  <b>JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA</b>  <b>JABATAN TANAH</b>	1. Pengawal selia keselamatan bangunan.  1. Pengawal selia perancangan kemajuan bangunan dan kawasan.  1. Pengawal selia penggunaan syarat khas tanah yang dibenarkan.

BILANGAN	KEMENTERIAN/JABATAN YANG MENGAWAL	BIDANG KAWALAN
	<b>JABATAN JALANRAYA, JABATAN KERJA RAYA</b>  <b>JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI</b>	1. Pengawal selia penggunaan jalanraya dan yang berkaitan.  1. Pengawal selia kebersihan, kecantikan dan keselamatan persekitaran.
5.	<b>JABATAN PELANCONGAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN</b>	1. Pengawal selia tempat-tempat penginapan dan rumah-rumah tumpangan.
6.	<b>KEMENTERIAN PERHUBUNGAN</b>  <b>JABATAN PEGANGKUTAN DARAT</b>  <b>AUTORITI INDUSTRI INFO KOMUNIKASI (AITI)</b>	1. Pengawal selia kenderaan bermotor dan bengkel kenderaan  1. Pengawal selia info komunikas.
7.	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b>	1. Pengawal selia kesihatan awam, kebersihan makanan dan persekitaran termasuk tahap kesihatan pekerja.  2. Pengawal selia keselamatan produk-produk kesihatan dan yang berkaitan.
8.	<b>BAHAGIAN PENDAFTARAN NAMA PERNIAGAAN DAN PENUBUHAN SYARIKAT (ROCBN),</b> <b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>	1. Pendaftaran Nama Perniagaan dan Penubuhan Syarikat.

## 7. GELARAN DAN TARikh BERKUATKUASA

- a. Garispanduan ini digelar **GARISPANDUAN MEMULAKAN JENIS PERNIAGAAN YANG DIKECUALIKAN DARI LESEN PERNIAGAAN** dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.

## 8. RAJAH TATACARA MEMULAKAN PERNIAGAAN



Nota:

Prestasi perniagaan bermaksud tahap pencapaian peniaga dalam memelihara dan mengekalkan Kualiti kebersihan, keselamatan dan mematuhi Kehendak peraturan, garispanduan dan undang-undang yang dikuatkuasakan (2K). Jika peniaga berjaya mengekalkan prestasi 2K, pemeriksaan dan pemantauan agensi-agensi berkuasa berkurangan (*performance & risk based inspection*).

**PERNIAGAAN YANG MEMERLUKAN UNTUK MEMENUHI  
GARISPANDUAN DAN SYARAT-SYARAT AGENSI PENGUATKUASA**

---

1. **Bagi aktiviti memproses, membuat dan menjual makanan yang dimasak dan bahan makanan mentah serta minuman**, kebenaran hendaklah diperolehi dari:
  - 1.1 Bahagian Kesihatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
  - 1.2 Bahagian Kawalan Kualiti Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan.
  - 1.3 Pemegang Lesen Restoran, Kedai Makan dan Minum dan Kantin yang menjual makanan dan minuman dan Kedai atau Kilang yang memproses dan membuat dan menjual makanan, minuman, ais krim dan ais batu, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan bagi mendapatkan Sijil Halal dan Label Halal kepada Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam tempoh tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh perniagaan dimulakan. Perniagaan mestilah sudah memiliki Sijil Halal dan Label Halal dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh perniagaan dimulakan, **kecuali Restoran, Kedai Makan dan Minum dan Kantin yang menjual makanan dan minuman dan Kedai atau Kilang yang memproses dan membuat dan menjual makanan, minuman, ais krim yang sememangnya menghidangkan dan menggunakan bahan yang tidak halal.**
  - 1.4 Bagi premis supermarket, departmental store dan kedai runcit harian, yang menjual produk atau makanan yang Tidak Halal hendaklah mengasingkannya di satu tempat yang khas dan berasingan daripada produk atau makanan yang halal. Kaunter pembayaran dan peralatan mengangkut barang atau produk jualan yang tidak halal, hendaklah dikhaskan dan tidak bercampur dengan kaunter pembayaran dan peralatan mengangkut barang produk jualan yang halal.
  - 1.5 Penjualan barang-barang menggunakan kenderaan adalah juga tertakluk kebenaran Pengarah Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan atau Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (MTLA).

2. **Bagi aktiviti memproses, membuat dan menjual produk kecantikan dan wangian, produk-produk kesihatan dan ubat-ubatan tradisi atau moden,** kebenaran hendaklah diperolehi dari:

  - 2.1 Bahagian Kawalan Kualiti Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan.
  - 2.2 Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

    - 2.2.1 Jika awda berhasrat untuk membuka Kedai Farmasi, perniagaan awda hendaklah mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan dari Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Ahli Farmasi (*Pharmacist*) awda hendaklah berdaftar dengan Lembaga Farmasi Negara Brunei Darussalam.
    - 2.2.2 Mana-mana perniagaan yang membabitkan pengimportan, penyimpanan, pengeluaran dan penjualan produk ubat yang dikawal di bawah Perintah Ubat, 2007 hendaklah mempunyai lesen-lesen yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Farmasi Negara Brunei Darussalam.
  - 2.3 Jika awda berhasrat untuk menjalankan perniagaan yang memberikan perkhidmatan pemeriksaan mata, Ahli Pemeriksa Mata (*Optometrist*) awda hendaklah mendaftar dengan Kementerian Kesihatan.
3. **Bagi perniagaan menjual dan memasang alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor,** awda hendaklah menghadapkan senarai produk atau barang jualan kepada Pengarah Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan untuk tujuan pemeriksaan dalam tempoh tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh perniagaan awda dimulakan.
4. **Bagi perniagaan barang-barang antik,** awda hendaklah menghadapkan senarai barang jualan kepada Pengarah Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk tujuan pemeriksaan dalam tempoh tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh perniagaan awda dimulakan.

(Bagi barang-barang artifak yang diperolehi dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah dihadapkan kepada Pengarah Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.)

5. **Bagi perniagaan menjual, memasang dan membaiki peralatan keselamatan, telekomunikasi, IT dan perkhidmatan internet**, perniagaan awda mestilah berdaftar dengan Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI), dan produk atau barang jualan hendaklah mendapat kelulusan AITI.
6. **Bagi perniagaan di bawah Establismen Kecantikan dan Kesihatan**, seperti senarai perkhidmatan **di Lampiran A (1)**. Kebenaran khas hendaklah diperolehi dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan disamping mestilah juga memenuhi syarat-syarat dan keperluan **di Lampiran A (2)**.
7. **Bagi perniagaan Perkhidmatan Dobi**, kebenaran hendaklah diperolehi dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
8. **Bagi aktiviti perniagaan taman hiburan dan permainan termasuk zoo, tempat permainan kanak-kanak, permainan pool atau billiard, permainan bowling, memanah, paintball, permainan video games, arked atau seumpamanya**, kebenaran hendaklah diperolehi dari Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
9. **Bagi aktiviti permainan yang melibatkan senjata, bahan mercun atau seumpamanya**, kebenaran hendaklah memperolehi dari Pesuruhjaya Polis, Jabatan Perdana Menteri.
10. **Bagi aktiviti penayangan wayang gambar**, kebenaran hendaklah diperolehi dari Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
11. **Bagi bengkel menjual, membaiki dan mengubahsuai kenderaan bermotor**, bengkel tersebut mestilah mengikut piawaian skim 'Approved Workshop' Jabatan Pengangkutan Darat, dengan kebenaran Pengarah Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.

12. **Bagi penjualan terbitan seperti yang ditakrifkan dalam Bab 2 Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini (Pindaan) 2007, Lampiran A (3),** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama atau Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri.
13. **Bagi Kedai Emas yang ada menjalankan aktiviti membuat, membaiki dan mengubahsuai barang-barang kemas yang menggunakan peralatan mudah terbakar (*inflammable*),** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
14. **Bagi perniagaan menjual dan memberi perkhidmatan alat-alat penyelam,** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
15. **Bagi perniagaan menjual dan memberi perkhidmatan alat-alat pemadam api,** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
16. **Bagi perniagaan memberikan perkhidmatan rawatan kesihatan binatang peliharaan, veterinary** dan perniagaan awda mestilah mendaftar dengan Pengarah Pertanian dan Agri-Makanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
17. **Bagi perniagaan hotel, rumah penginapan dan rumah tumpangan,** perniagaan awda hendaklah mendaftar dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sementara, **perniagaan Inap Desa (Home Stay),** perniagaan awda hendaklah mendaftar dengan Pegawai Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di mana ia akan dijalankan.
18. **Bagi perniagaan membuat dan menjual perahu,** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan.
19. **Bagi menjalankan perniagaan bebas cukai (Duty Free),** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan.
20. **Bagi menjalankan perniagaan kilang papan,** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

21. **Bagi menjalankan perniagaan perkhidmatan cuci kereta tidak termasuk perkhidmatan cuci kereta dalam Bengkel Kenderaan Bermotor,** kebenaran hendaklah diperolehi dari Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.
22. **Bagi perniagaan yang menjual dan menyimpan bahan racun berjadual seperti kimia industri, kimia makmal dan kimia pertanian yang disenaraikan di dalam Akta Racun, Penggal 114** hendaklah mempunyai lesen racun yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan.
23. **Bagi penjualan bahan-bahan dan produk tembakau,** kebenaran hendaklah diperolehi daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan.

## **LAMPIRAN A (1)**

### **JENIS AKTIVITI PERKHIDMATAN ESTABLISMEN KECANTIKAN DAN KESIHATAN**

---

Establismen Kecantikan dan Kesihatan bermakna mana-mana premis yang menyediakan sebarang perkhidmatan atau kemudahan yang berikut atau sebarang gabungan perkhidmatan atau kemudahan yang berikut:-

- (a) mengurut (bagi yang masih beroperasi sahaja);
- (b) sauna;
- (c) spa, termasuk mandian air panas atau sejuk;
- (d) gimnasium;
- (e) aerobik;
- (f) aromaterapi;
- (g) melangsingkan badan;
- (h) manikur dan pedikur;
- (i) refleksologi;
- (j) salon rambut; dan
- (k) apa-apa aktiviti yang berkaitan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen.